

Ruj. Kami : MQA.100-1/3/2 Jld. 3 (I)

Tarikh : 26 Mei 2026

KEPADA SEMUA PUSAT PENILAIAN APEL (PPA)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 9/2026

PENETAPAN KADAR CAJ BERHUBUNG PELAKSANAAN PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERDASARKAN PENGALAMAN TERDAHULU UNTUK MICRO-CREDENTIALS (APEL.M)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana tuan/puan sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menerbitkan *Guidelines to Good Practices (GGP): Accreditation of Prior Experiential Learning for Access (APEL.A) and Accreditation of Prior Experiential Learning for Micro-credentials (APEL.M)* melalui Pekeliling MQA Bil. 1/2023 bertarikh 17 Januari 2023. Selain itu, MQA juga telah menetapkan kadar caj bagi permohonan penilaian APEL.M untuk calon pelajar warganegara melalui Surat Makluman MQA Bil. 4/2023 bertarikh 10 Julai 2023.

3. Berdasarkan dapatan pelaksanaan semasa oleh Pusat Penilaian APEL (PPA) APEL.M dan mengambil kira peluang permohonan APEL.M yang turut dibuka kepada calon pelajar bukan warganegara, pihak Pengurusan MQA telah bersetuju untuk menetapkan kadar caj yang berkaitan dengan pelaksanaan APEL.M seperti berikut:

- 3.1 Permohonan penilaian APEL.M untuk calon pelajar bukan warganegara;
- 3.2 Caj pengeposan sijil APEL.M; dan
- 3.3 Caj penggantian sijil APEL.M.

Perincian kadar caj bagi perkara di perenggan 3 adalah seperti di **Lampiran 1**.

4. Bagi PPA APEL.M yang telah mendapat akreditasi dan berhasrat untuk menambah bidang penilaian APEL.M sedia ada, permohonan tambahan bidang (berdasarkan 11 *broad fields* kod NEC-2020) boleh dikemukakan kepada MQA beserta bayaran caj berjumlah **RM4,000.00** bagi setiap bidang.

5. Untuk makluman, kadar caj permohonan penilaian APEL.M yang ditetapkan untuk calon pelajar warganegara dan bukan warganegara adalah selaras di semua PPA APEL.M dan tertakluk kepada caj pemprosesan yang perlu dibayar oleh PPA APEL.M kepada MQA di awal proses penilaian mengikut kategori calon pelajar APEL.M seperti berikut:

- 5.1 warganegara : **RM60.00**
- 5.2 bukan warganegara : **RM300.00**

6. Pelaksanaan pengenaan kadar caj ini **berkuat kuasa sepenuhnya bermula daripada tarikh surat ini**. Maklumat mengenai perkara ini juga boleh dirujuk melalui Portal APEL.M MQA di pautan: <https://www2.mqa.gov.my/portalapel.m/>.

7. Sehubungan itu, PPA APEL.M dimohon untuk mengambil perhatian sewajarnya terhadap penetapan kadar caj tersebut dan mematuhi ketetapan pembayaran dalam usaha menyokong pelaksanaan agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Sekian, terima kasih.

“PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
6. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
7. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

8. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 2, Bangunan Canseleri
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 TANJONG MALIM, PERAK
9. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA-UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, PULAU PINANG
10. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
81310 Johor Bahru
JOHOR
11. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pendaftar International Medical University (IMU)
No.126, Jalan Jalil Perkasa 19
Bukit Jalil
57000 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
12. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
Aras 7, Menara Arina UNITI
No.97, Jalan Raja Muda Abdul Aziz
Kampung Baru
50300 W.P. KUALA LUMPUR
13. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Teknologi 5, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
14. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
Ground Floor, 2, Jalan SS 19/1g, Ss 19
47500 SUBANG JAYA, SELANGOR
15. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH

16. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/International College of
Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK
17. Presiden
Society For Malaysian Higher Education Institutions Quality Assurance
Network (MyQAN)
UCSI University
No. 1, UCSI Heights, Jalan Puncak Menara Gading
Taman Connaught, Cheras
56000 CHERAS, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

LAMPIRAN 1

1. Permohonan Penilaian APEL.M untuk Calon Pelajar Bukan Warganegara

Tahap Program	T-3 (Sijil)	T-4 (Diploma)	T-5 (Diploma Lanjutan)	T-6 (Ijazah Sarjana Muda, Diploma Siswazah & Sijil Siswazah)	T-7 (Sarjana, Diploma Pascasiswazah & Sijil Pascasiswazah)		T-8 (Ijazah Kedoktoran)	
					Kerja Kursus & Campuran	Penyelidikan	Kerja Kursus & Campuran	Penyelidikan
Kadar Caj	USD 240	USD 240	USD 240	USD 350	USD 450		USD 550	

NOTA 1: Caj ini dibayar oleh calon pelajar kepada PPA APEL.M yang dimohon.

2. Caj Pengeposan Sijil APEL.M

Kategori Calon Pelajar	Kadar Caj	Catatan
Warganegara	RM15.00	- Pos laju bagi pengeposan sijil ke alamat di dalam negara. - Dibayar oleh calon pelajar kepada MQA.
Bukan Warganegara	RM15.00	- Pos laju bagi pengeposan sijil ke alamat di dalam negara. - Dibayar oleh PPA APEL.M bagi pihak calon pelajar, kepada MQA.
	RM250.00	- Pos antarabangsa bagi pengeposan sijil ke alamat di luar negara. - Dibayar oleh PPA APEL.M bagi pihak calon pelajar, kepada MQA.

3. Caj Penggantian Sijil APEL.M

Kategori Calon Pelajar	Kadar Caj	Catatan
Warganegara	RM50.00	- Bayaran dikemukakan oleh calon pelajar kepada MQA. - Permohonan menggunakan Borang Penggantian Sijil APEL.M yang boleh didapati dalam Portal APEL.M.
Bukan Warganegara	USD 100	

NOTA 2 dan 3: Bayaran dikemukakan dalam bentuk Deraf Bank atas nama **AGENSİ KELAYAKAN MALAYSIA**. Kaedah pembayaran ini adalah terpakai sehingga ketetapan baharu dibuat oleh MQA.